

UNTUK TUJUAN ILUSTRASI SAHAJA

Jumlah Perlindungan: RM500,000 | Umur: 30 tahun | Jantina: Lelaki | Status: Sihat |

Tempoh Perlindungan: 40 tahun | Tempoh Bayaran Sumbangan: Tempoh Penuh

Ini bukan perlindungan sebenar dan mungkin tidak tersedia di bawah pelan ini.

Untuk perlindungan sebenar dan ilustrasi berdasarkan maklumat anda, sila rujuk Ilustrasi Manfaat.

AmMetLifeTakaful

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Helaian Pendedahan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting mengenai takaful keluarga anda. Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; anda juga patut membacanya.

Pengendali Takaful	AmMetLife Takaful Berhad (AmMetLife Takaful)
Nama Pelan	LegacySecure-i Link (Ini adalah pelan takaful)
Tarikh	DD/MM/YYYY

KETAHUI LEBIH LANJUT



Langkah 1 Apakah LegacySecure-i Link?

LegacySecure-i Link adalah pelan takaful berkaitan pelaburan dengan sumbangan berkala yang menawarkan kombinasi perlindungan takaful dan pelaburan. Ia menyediakan perlindungan sekiranya peserta meninggal dunia atau mengalami hilang upaya kekal dan menyeluruh (HUMK) serta membayar perlindungan tambahan sekiranya peserta meninggal dunia akibat kemalangan. Selain itu, ia menyediakan manfaat bonus kesetiaan manfaat khairat kematian dan manfaat waqaf dalam tempoh perlindungan. Apabila matang, nilai Dana Pelaburan Peserta (DPP) akan dibayar sekiranya siji belum ditamatkan.

Konsep Syariah yang diguna pakai:

- Wakalah** – Semua pemegang siji melantik AmMetLife Takaful untuk bertindak bagi pihak mereka untuk melaburkan dan menguruskan pelan takaful berlandaskan prinsip-prinsip Syariah. AmMetLife Takaful berhak menerima Fi Wakalah seperti yang dinyatakan dalam Ilustrasi Manfaat untuk menguruskan pelan ini.
- Tabarru'** – Semua pemegang siji bersetuju untuk menderma sebahagian tertentu daripada sumbangan yang telah dibayar ke dalam Dana Risiko Peserta-peserta (DRP) untuk tujuan saling menolong dan membantu bersama.
- Qard** – Pinjaman tanpa faedah daripada AmMetLife Takaful sekiranya DRP berada dalam keadaan defisit. Pinjaman ini akan dibayar semula daripada lebihan yang terhasil daripada DRP pada masa hadapan.
- Waqf** – Suatu pemberian secara sukarela, yang kekal dan tidak dapat ditarik balik daripada harta seseorang atau sebahagian daripadanya untuk tujuan agama, pendidikan atau kebajikan.

Langkah 2 Ketahui Perlindungan / Manfaat Anda

Jumlah Perlindungan Asas: RM500,000 Tempoh Perlindungan: 40 tahun (sehingga berumur 70 tahun)	
Sebagai ilustrasi, dengan sumbangan RM2,400 setahun, anda akan menerima perlindungan / manfaat berikut:	
Manfaat Kematian atau HUMK	100% daripada Jumlah Perlindungan Asas atau nilai DPP, yang mana lebih tinggi. Manfaat HUMK berakhir pada usia 65 tahun, dengan jumlah bayaran maksimum sebanyak RM2 juta untuk semua siji AmMetLife Takaful bagi setiap peserta yang sama.
Manfaat Kematian Akibat Kemalangan	Sekiranya peserta meninggal dunia akibat kemalangan, tambahan sebanyak: a) 100% daripada Jumlah Perlindungan Asas; atau b) 200% daripada Jumlah Perlindungan Asas jika kematian akibat kemalangan berlaku semasa menaiki pengangkutan awam. dibayar sebagai tambahan keatas Manfaat Kematian. Manfaat ini berakhir pada ulang tahun siji sebelum peserta mencapai umur 70 tahun, dengan jumlah pembayaran maksimum sebanyak RM8 juta untuk semua siji AmMetLife Takaful bagi peserta yang sama.
Manfaat Bonus Kesetiaan	Jumlah perlindungan asas akan meningkat sebanyak 2% daripada jumlah permulaan perlindungan asas setiap 2 tahun siji sehingga akhir tahun siji ke-10.
Manfaat Khairat Kematian	Tambahan sebanyak RM10,000 apabila berlaku kematian terhadap peserta.
Manfaat Waqaf	Tambahan sebanyak RM5,000 akan dibayar kepada organisasi waqaf yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah AmMetLife Takaful apabila berlaku kematian terhadap peserta.
Manfaat Matang	Nilai DPP (jika ada).

Pengecualian – Pelan ini tidak melindungi sebab-sebab berikut:

Manfaat Kematian atau HUMK :

- bunuh diri (sama ada semasa waras atau tidak) dalam tempoh 1 tahun dari tarikh kuatkuasa; atau
- di bawah pengaruh alkohol, narkotik atau dadah selain daripada yang dipreskripsi oleh pegawai perubatan yang bertauliah; atau
- keadaan sedia ada atau hilang upaya yang dihadapi sebelum tarikh kuatkuasa.

Manfaat Kematian Akibat Kemalangan :

- serangan atau pembunuhan; atau
- cubaan membunuh diri atau mencederakan diri sendiri sama ada semasa waras atau tidak waras; atau
- terlibat dalam sebarang pergaduhan.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk Sijil Takaful untuk terma dan syarat yang lengkap.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai pelan anda, anda boleh:



Tulis Kepada Kami



1 300 22 9777

ammetlifetakaful.com

customercare@ammetlifetakaful.com

UNTUK TUJUAN ILUSTRASI SAHAJA

Jumlah Perlindungan: RM500,000 | Umur: 30 tahun | Jantina: Lelaki | Status: Sihat |

Tempoh Perlindungan: 40 tahun | Tempoh Bayaran Sumbangan: Tempoh Penuh

Ini bukan perlindungan sebenar dan mungkin tidak tersedia di bawah pelan ini.

Untuk perlindungan sebenar dan ilustrasi berdasarkan maklumat anda, sila rujuk Ilustrasi Manfaat.



Langkah 3

Ketahui Kewajipan Anda

Untuk pelan takaful ini, anda perlu membayar sumbangan takaful sebanyak:

Sumbangan: RM2,400 setahun

Bahagian Takaful: RM2,400

Bahagian Pelaburan: RM0

Tempoh: 40 tahun / Tempoh Penuh

AmMetLife Takaful memperuntukkan sebahagian daripada sumbangan untuk membeli unit di dalam dana yang anda pilih:

Sumbangan yang diperuntukkan untuk membeli unit
Sumbangan yang diperuntukkan pada tahun pertama bagi bahagian takaful adalah 60% daripada sumbangan tahunan anda atau RM1,440.00 manakala untuk bahagian pelaburan adalah 95% daripada sumbangan tahunan anda atau RM0.

Anda juga perlu membayar fi dan caj berikut:

Fi Wakalah

Fi Wakalah – Peratusan yang akan ditolak daripada sumbangan takaful:

Tempoh Bayaran	Tahun 1-3	Tahun 4-6	Tahun 7-10	Tahun 11 & seterusnya
40 tahun	40%	20%	5%	0%
(tempoh penuh)	RM960	RM480	RM120	RM0

Fi Wakalah untuk bahagian pelaburan/Top-Up adalah 5% daripada amaun pelaburan/Top-up = RM0

Komisen

Komisen dibayar kepada bank (sebahagian daripada Fi Wakalah):

Tempoh Bayaran	Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3	Tahun 4-10	Tahun 11 & seterusnya
40 tahun	30%	20%	15%	5%	0%
(tempoh penuh)	RM720	RM480	RM360	RM120	RM0

Komisen bagi bahagian pelaburan/Top-up adalah 3.75% daripada amaun pelaburan/Top-up = RM0

Caj Tabarru'

Amaun ini akan ditolak secara bulanan dari DPP anda dan akan diperuntukkan ke dalam DRP. Amaun tabarru' ini akan meningkat berdasarkan umur anda.

Fi Perkhidmatan Bulanan

RM12 akan ditolak secara bulanan daripada nilai DPP anda.

Fi Serahan

RM100 atau 10% daripada nilai DPP, yang mana lebih rendah.

Sumbangan selepas ditolak Fi Wakalah akan diperuntukkan ke dalam DPP anda. Fi Wakalah akan digunakan untuk membayar komisen kepada ejen dan perbelanjaan lain AmMetLife Takaful.

Langkah 4

Terma dan Syarat Yang Lain

Kepentingan Membuat Pendedahan – Anda mesti menjawab soalan yang kami kemukakan dengan lengkap dan tepat. Kecuaian dalam menjawab soalan boleh mengakibatkan tuntutan anda ditolak atau sijil takaful anda ditamatkan.

Had ke Atas Manfaat Bonus Kesetiaan – Manfaat ini akan terhenti apabila tuntutan HUMK diluluskan atau pengeluaran sebahagian dibuat, yang mana terdahulu. Jika berlaku, tiada Bonus Kesetiaan lanjut akan dibayar dan jumlah perlindungan akan sama sepanjang tempoh sijil.

Nilai Tunai – Nilai tunai adalah nilai DPP Sijil Takaful berkaitan pelaburan anda berdasarkan prestasi dana-dana yang telah dipilih. Semakin tinggi nilai perlindungan takaful yang dipilih, lebih banyak unit akan digunakan untuk membayar amaun Tabarru' dan akan mengakibatkan nilai tunai anda lambat berkembang.

Sijil Luput – Sijil anda akan luput apabila jumlah di dalam DPP anda tidak mencukupi untuk menampung amaun tabarru' dan lain-lain caj. Ini mungkin berlaku jika anda mempunyai banyak rider atau perlindungan yang tinggi yang meningkatkan tabarru' setara dengan peningkatan usia anda, pulangan pelaburan yang tidak baik atau jika anda berhenti membayar sumbangan di dalam satu tempoh masa yang panjang yang mengakibatkan Tabarru' dan lain-lain caj menghabiskan dana anda.

Sumbangan Top-Up – Anda dibenarkan untuk membuat sumbangan top-up di bawah Sijil Takaful ini dan boleh dilakukan pada bila-bila masa semasa Sijil Takaful berkuatkuasa. Sumbangan top-up minima ialah Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50).

Pengeluaran Sebahagian – Anda dibenarkan membuat pengeluaran sebahagian dari DPP anda. Walau bagaimanapun, jumlah perlindungan asas mungkin berkurangan selepas pengeluaran sebahagian dibuat. Sekiranya jumlah perlindungan selepas pengeluaran sebahagian tersebut kurang daripada jumlah perlindungan minimum yang ditetapkan, kami berhak menganggap pengeluaran tersebut sebagai penyerahan penuh. Selepas penyerahan penuh, nilai DPP akan dibayar dan Sijil Takaful ini tamat.

Sumbangan Tidak Dijamin – Kadar sumbangan TIDAK DIJAMIN dan boleh disemak semula dengan memberi sekurang-kurangnya 30 hari notis lebih awal kepada anda.

Perubahan Butiran untuk Dihubungi – Anda perlu memaklumkan kepada kami jika terdapat perubahan kepada butiran untuk menghubungi anda/penama anda untuk memastikan semua maklumat terkini sampai kepada anda/penama anda tepat pada masanya.

Tuntutan – Maklumkan kepada kami dengan kadar segera jika anda ingin membuat tuntutan di bawah sijil anda. Kami akan membimbing anda tentang dokumen-dokumen yang perlu diserahkan bagi memproses tuntutan anda.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk Sijil Takaful untuk terma dan syarat yang lengkap.



Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Tempoh Rujukan Percuma – Jika anda tidak berpuas hati dengan sijil ini, anda boleh membatalkannya dengan memberitahu kami secara bertulis dalam tempoh 15 hari selepas menerima sijil ini. Kami akan memulangkan semula sumbangan yang telah dibayar (ditolak fi pemeriksaan perubahan yang ditanggung dan bergantung kepada turun naik harga dana(-dana) berkaitan pelaburan anda).

Pembatalan – Anda boleh membatalkan sijil anda pada bila-bila masa selepas Tempoh Rujukan Percuma dengan menghantar notis bertulis kepada kami. Perlu diingat bahawa amaun yang anda terima akan jauh lebih rendah daripada jumlah sumbangan yang dibayar. Ia mungkin tidak menguntungkan jika anda membatalkan atau menggantikan sijil sedia ada dengan yang baru.

Perlindungan PIDM untuk manfaat yang dibayar daripada bahagian unit sijil ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat tertentu. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi AmMetLife Takaful atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).